

# Universiti swasta: Pastikan kualiti pelajar dipertahan

KUCHING 29 Mac — Kementerian Pendidikan diminta supaya memastikan tahap kualiti pelajar di negara ini dipertahankan walaupun kerajaan meluluskan cadangan pembinaan beberapa buah universiti swasta di negara ini.

Yang Dipertua, Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak (KGBS) Sajeli Ojek berkata, langkah itu penting bagi menentukan kualiti pelajar yang dikeluarkan di dalam negara diiktiraf di seluruh dunia.

"Walaupun penubuhan universiti swasta tidak dapat dielakkan bagi penyediaan ramai tenaga kerja mahir pada masa depan, tetapi kualiti pelajar hendaklah dipertahankan.

"Kita tidak mahu standard pencapaian pelajar negara ini terabai disebabkan wujudnya banyak institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Setakat ini terdapat 10 buah universiti swasta yang sedang dan

akan beroperasi selepas mendapat kelulusan daripada kerajaan.

Universiti-universiti itu ialah Universiti Teknologi Petronas, Universiti Telekom (Unitele), Universiti Tenaga Nasional, Universiti Kolej Malaysia (Unikom), Universiti Multimedia, Universiti Komanwel, Universiti Maya, Universiti Sains dan Teknologi (MUST), Universiti Teknologi Pulau Pinang dan Universiti Monash cawangan kampus Kolej Sunway.

Sebelum itu, negara mempunyai Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Teknologi Mara (ITM).

Menurut Sajeli, kerajaan semestinya sudah menghalusi sebarang implikasi yang mungkin timbul apa-

bila banyak universiti swasta diwujudkan di negara ini.

Katanya, ketika kerajaan bersungguh-sungguh untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, keperluan kepada ramai cerdik pandai dalam berbagai bidang khususnya teknologi maklumat (IT), pembinaan pusat pendidikan swasta tidak dapat dielakkan.

"Jika dihitung, jumlah universiti awam dan swasta yang terdapat di negara ini jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara luar," ujarinya.

Sehubungan itu, beliau berharap pelajar dapat menggunakan semua kemudahan itu untuk meningkatkan kecemerlangan diri.

"Pelajar perlu melengkapkan diri dengan sebanyak mungkin ilmu pengetahuan kerana persaingan pada masa depan adalah mencabar," katanya.